

Tiada bank minta lanjut tarikh penggabungan

BH 6 DEC 2000

BANK Negara tidak menerima sebarang permintaan daripada beberapa bank yang dikatakan belum cukup bersedia menyelesaikan proses penggabungan, supaya dilanjutkan tempoh yang sepatutnya berakhir 31 Disember ini.

Gabenornya, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata berikutan tiada permintaan itu, maka soal melanjutkan tem-

poh untuk berbuat demikian juga tidak timbul.

"Tidak ada bank yang meminta dilanjutkan tempoh dan dengan itu, tiada lanjutan dan kita masih mengekalkan tarikh akhir (31 Disember)," katanya selepas pelancaran The Royal Mint of Malaysia, syarikat penempaan duit syiling pertama di Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad di Shah Alam semalam.

Laporan akhbar semalam menyebut beberapa bank yang belum cukup bersedia menyelesaikan proses penggabungan masing-masing sebelum 31 Disember ini, meminta Bank Negara menimbang kemungkinan melanjutkan tarikh tamat untuk mereka berbuat demikian.

Dengan hanya tinggal 20

hari lagi untuk menyelesaikan penggabungan itu, beberapa bank yang akan menjadi entiti teras dikatakan menghadapi kesukaran memenuhi tarikh akhir penggabungan yang ditetapkan.

Sebelum ini, laporan *The Edge*, menyatakan Bank Negara mungkin melanjutkan tarikh akhir itu kepada 31 Mac depan.

Laporan itu juga mendak-

wa beberapa bank teras sudah pun dimaklumkan oleh Bank Negara mengenai keputusannya untuk memberi lanjutan kepada tarikh akhir penggabungan terbabit.

Antara yang disebut sebagai meminta lanjutan tempoh itu ialah Kumpulan Perbankan Arab Malaysian dan Kumpulan Utama Banking yang belum mengumumkan butiran penggabungan.

Bagaimanapun, Zeti menjelaskan kedua-dua kumpulan terbabit tidak membuat sebarang permintaan untuk melanjutkan tempoh penyelesaian proses penggabungan.

Kelmarin, Perbendaharaan dalam kenyataan dua perenggan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, menegaskan bahawa tarikh penyelesaian penggabungan tetap dikekalkan pada 31 Disember ini.